

Sambungan Komunikasi Jalur Lebar Mudah Alih Global bakal Melempi
150 Juta

HSPA sah sebagai teknologi komunikasi mudah alih yang diguna pakai
terpantas sepanjang masa

LONDON, 22 Julai /PRNewswire/ -- Sambungan HSPA Global bakal melepasi
takat 150 juta pada penghujung musim panas ini, umum GSM Association pada hari
ini. Dengan lebih 300 rangkaian di 127 negara dan menghampiri 1500 peralatan
yang serasi HSPA tersedia, HSPA berjaya mengukuhkan tapaknya sebagai teknologi
komunikasi jalur lebar mudah alih utama dunia dan teknologi komunikasi mudah
alih yang terpanas digunakan pada setiap masa.

Menurut Wireless Intelligence, kawasan-kawasan berikut memacu perkembangan
sambungan HSPA global:

- AsiaPac mencatatkan hampir 50 juta sambungan HSPA secara langsung hari
ini dan bakal memiliki lebih 56 juta sambungan pada September ini
- Sambungan EMEA HSPA bakal melepasi tahap 50 juta bila-bila masa
sahaja dan bakal mencecah hampir 60 juta sambungan pada penghujung
September tahun ini
- Pada masa ini, AS memiliki hampir 32 juta sambungan HSPA di mana
bilangan itu dijangka meningkat kepada hampir 37 juta pada September ini
- Amerika bakal mempunyai lebih sedikit dari empat juta sambungan pada
penghujung September ini

"Kejayaan cemerlang HSPA menunjukkan permintaan besar secara berterusan
terhadap capaian komunikasi jalur lebar mudah alih sebenar," kata Dan Warren,
Pengarah Teknologi, GSMA. "Kedudukan utama HSPA bukan sahaja penting buat
industri komunikasi mudah alih - dengan menggunakan teknologi tunggal bagi
perkhidmatan komunikasi jalur lebar mudah alih secara global, kita dapat
mengelakkan pemecahan yang menghadkan potensinya bagi meningkatkan kualiti
hidup orang ramai."

Pertumbuhan luar biasa HSPA ini dijangka berterusan, dengan 200 juta
sambungan dijangka akan dibina pada S1 2010.

Semestinya, dengan bilangan operator komunikasi dan vendor yang terbabit
komited kepada teknologi dalam keluarga GSM (HSPA, HSPA+ dan LTE), kejayaan

komunikasi jalur lebar mudah alih HSPA menarik banyak perhatian dari luar industri komunikasi mudah alih 'tradisional':

- Industri elektronik pengguna, kereta, tenaga dan utiliti mula memahami kemungkinan menggabungkan komunikasi jalur lebar mudah alih ke dalam produk mereka
- Kerajaan di seluruh dunia mewujudkan spektrum yang betul tersedia bagi menyokong perkhidmatan komunikasi jalur lebar mudah alih hari ini dan masa depan, memastikan yang ekonomi mereka mendapat manfaat dari pertumbuhan KDNK yang berkaitan teknologi
- Perniagaan dan pengguna akhir menikmati manfaat kebebasan dan produktiviti yang ditawarkan oleh komunikasi jalur lebar mudah alih, memacu amalan bekerja yang fleksibel dan membolehkan pengguna komunikasi mudah alih impulsif dapat menikmati capaian internet mudah alih semasa bergerak

Teknologi komunikasi jalur lebar mudah alih HSPA terus memacu kepelbagaian di pasaran baru ketika manfaat sebenar mobiliti terus dinikmati melalui cara baru dan inovatif.

Data dan ramalan WCDMA HSPA adalah dari Wireless Intelligence dan adalah benar sehingga pada 20 Julai 2009.

Tentang GSMA

GSMA mewakili kepentingan industri komunikasi mudah alih sedunia. Merentasi 219 buah negara, GSMA menyatukan hampir 800 buah operator komunikasi mudah alih dunia, serta 200 syarikat dalam ekosistem komunikasi mudah alih yang lebih luas, termasuk pembuat telefon bimbit, syarikat perisian, pembekal peralatan, syarikat Internet, dan organisasi hiburan dan media. GSMA fokus dalam menginovasi, merangsang dan mencipta peluang baru bagi keahliannya, semuanya dengan matlamat akhir untuk memacu perkembangan industri komunikasi mudah alih.

Tentang Wireless Intelligence

Wireless Intelligence adalah pangkalan data lengkap dalam pasaran komunikasi mudah alih global yang memberikan pandangan luas tentang prestasi operasi operator rangkaian komunikasi mudah alih dunia. Ia adalah alat industri de facto bagi perisihan pasaran dengan pangkalan pelanggan melebihi 550 dari operator komunikasi mudah alih dunia, pengeluar peralatan terkemuka,

vendor perisian, pembekal isi kandungan dan perundingan. Perkhidmatan ini meliputi semua teknologi selular dan merangkumi 2,215,000 titik data individu merentasi 800 operator rangkaian komunikasi mudah alih dan 1,300 rangkaian di lebih 200 negara.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut, sila layari <http://www.gsmworld.com/>,
<http://hspa.gsmworld.com/>

SUMBER GSMA

PERHUBUNGAN: Paul Nolan, atau Becky Kiely, atau Alexia da Silva,
kesemuanya dari CCgroup, +44-118-9207650, mobilebroadband@ccgrouppr.com, untuk
GSMA